BAHAGIAN SUMBER MANUSIA
KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

KAJIAN KES 2

Encik Ismail mula dilantik ke skim perkhidmatan Pembantu Tadbir Rendah Gred N11 mulai 1 Julai 1990 dan bertugas di Pejabat Kesihatan Daerah Manjung Perak. Beliau dilanjutkan tempoh percubaan dengan denda dan disahkan dalam perkhidmatan pada 1 Julai 1994. Pada 2 Julai 2009 melalui opsyen pertukaran pelantikan melalui Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 6 Tahun 2009, beliau telah menerima opsyen pertukaran pelantikan ke Skim Perkhidmatan Pembantu Tadbir (Perkeranian/Operasi) dan disahkan perkhidmatan pada 3 Julai 2009. Beliau kemudiannya ditempatkan bertugas di Pejabat Kesihatan Daerah Kuala Kangsar Perak. Pada 15 Oktober 2014, Encik Ismail telah dikenakan hukuman tatatertib "Amaran" oleh Lembaga Tatatertib. Kemudian pada 1 September 2015, Encik Ismail telah diluluskan cuti haji selama 40 hari dan kembali bertugas pada 11 Oktober 2015.

Soalan :

1. Sekiranya iklan pemangkuan Pembantu Tadbir (Perkeranian/Operasi) Gred N19 ke Gred N22 dibuka pada 15 November 2014, adakah Encik Ismail layak untuk memohon? Jelaskan.

2. Bilakah tarikh Encik Ismail genap tempoh 13 tahun yang layak dipertimbangkan kenaikan pangkat ke Gred N22 secara *Time-Based* Berasaskan Kecemerlangan 13 Tahun?

3. Sekiranya iklan urusan pemangkuan Pembantu Tadbir (Perkeranian/Operasi) N19 ke Gred N22 telah dibuka pada 15 Julai 2016 dan ditutup pada 15 Ogos 2016 dan syarat-syarat bagi urusan pemangkuan tersebut menetapkan penyandang di gred N19 hendaklah berkhidmat sekurang-kurang tujuh (7)

tahun, adakah Encik Ismail layak diberi pertimbangan oleh Lembaga Kenaikan Pangkat?

Jawapan :

1. Tidak layak. Pegawai tidak layak dipertimbangkan untuk kenaikan pangkat sepanjang tempoh pegawai dikenakan tindakan tatatertib yang membawa hukuman mengikut Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 3 Tahun 2009 mulai tarikh kuatkuasa hukuman tatatertib. Tempoh yang tidak layak dipertimbangkan kenaikan pangkat adalah selama 12 bulan mulai tarikh kuatkuasa hukuman tatatertib.

2. Tarikh lantikan ke skim perkhidamatan semasa: 02.07.2009
   Tarikh genap 13 tahun berkhidmat: 02.07.2022

3. Layak diberikan pertimbangan memandangkan Encik Ismail berada di Gred N19 melebihi tujuh (7) tahun pada tarikh tutup iklan dengan mengambilkira :
   i) Tarikh lantikan ke skim perkhidmatan semasa : 02.07.2009
   ii) Tarikh genap tujuh (7) tahun perkhidmatan pada 02.07.2016
   iii) Iklan urusan pemangkuan ditutup 15.08.2016.

Sumber rujukan:

1. P.U.(A) 1/2012 Peraturan-peraturan Pegawai Awam (Pelantikan, Kenaikan Pangkat dan Penamatan Perkhidmatan)
2. Pekeliling Perkhidmatan Bil. 7 Tahun 2010 - Panduan Pengurusan Pemangkuan dan Kenaikan Pangkat Dalam Perkhidmatan Awam
3. Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 3 Tahun 2009 - Dasar Kenaikan Pangkat Bagi Pegawai Yang Sedang Disiasat Dan Telah Dikenakan Hukuman Tatatertib
4. Pekeliling Perkhidmatan Bil. 8 Tahun 2013 - Kenaikan Pangkat Secara *Time-Based* Berasaskan Kecemerlangan Bagi Pegawai Kumpulan Pelaksana Yang Berada Di Gred Lantikan
5. Surat Pekeliling Perkhidmatan Bil. 4 Tahun 2009 – Kesan ke atas Perkhidmatan bagi Pegawai yang Diluluskan Cuti Bergaji Penuh, Cuti Separuh Gaji dan Cuti Tanpa Gaji
6. Peraturan-peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993